



JURNAL LINGUISTIK Vol. 27 (2) November 2023 (043-059)

Bahasa Slanga dalam Kalangan Masyarakat di Media Sosial: Pendekatan Semantik Inkuisitif

¹Julaina Nopiah & ²Noratikah Lawi
julainanopiah@iium.edu.my, noratikahlawi@gmail.com

*Kulliyyah Bahasa dan Pengurusan,
Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM),
Pagoh, Johor*

Tarikh terima : 11 September 2023
Received
Terima untuk diterbitkan : 23 Oktober 2023
Accepted
Tarikh terbit dalam talian : 30 November 2023
Published online

Abstrak

Kajian ini merupakan kajian tentang penggunaan bahasa slang dalam kalangan masyarakat di media sosial berdasarkan pendekatan semantik inkuisitif. Slang merupakan bahasa tidak rasmi yang sering digunakan dalam kalangan masyarakat khususnya semasa berkomunikasi di media sosial. Kajian ini adalah bertujuan untuk mengenal pasti penggunaan bahasa slang dalam kalangan masyarakat di samping menganalisis leksikal bahasa slang tersebut berdasarkan pendekatan semantik inkuisitif. Bentuk kajian ini ialah kualitatif dengan menggunakan pendekatan semantik inkuisitif yang diperkenalkan oleh Nor Hashimah Jalaluddin (2014). Hasil dapatan kajian ini mendapati bahawa terdapat beberapa bentuk bahasa slang yang sering digunakan oleh masyarakat ketika mengekspresikan perasaan dan pendapat di media sosial. Melalui analisis yang dijalankan, dapat dilihat bahawa pembentukan makna bagi leksikal bahasa slang tersebut bukan sahaja melibatkan teori dan falsafah tertentu, tetapi juga pemikiran, budaya, dan akal budi masyarakat. Justeru, pengkaji berharap kajian ini dapat menjawab persoalan berkaitan proses pembentukan dan makna berkaitan leksikal bahasa slang.

Kata kunci: Bahasa slang, semantik inkuisitif, media sosial, Masyarakat

Slang Language Among Social Media Community: An Inquisitive Semantic Approach

Abstract

This study is a study on the use of slang language among the community on social media based on the inquisitive semantic approach. Slang is an informal language that is often used in the community, especially when communicating on social media. This study aims to identify the use of slang language in the community as well as analyze the lexical slang language based on the inquisitive semantic approach. The form of this study is qualitative by using the inquisitive semantic approach introduced by Nor Hashimah Jalaluddin (2014). The results of this study found that there are several types of slang that are often used by the community when expressing feelings and opinions on social media. Through the analysis carried out, it can be seen that the formation of meaning for the lexical slang language does not only involve certain theories and philosophies, but also the thoughts, culture, and common sense of the community. Thus, the researcher hopes that this study can answer questions related to the formation process and meaning related to the lexical slang language.

Keywords: *Slang language, inquisitive semantics, social media, society*

1. Pengenalan

Setiap bahasa yang diujarkan oleh seseorang mampu memperlihatkan keperibadian, identiti, cara berfikir, dan persekitaran sosial individu sebagai bahasa komunikasi masing-masing. Hal ini secara tidak langsung menyebabkan berlakunya pembentukan bahasa yang pelbagai dan kreatif dalam menyampaikan maklumat sesama masyarakat pada abad ke-21 ini, khususnya pada penggunaan bahasa slanga.

Media sosial adalah salah satu medium komunikasi yang kini semakin digunakan dan diaplikasikan dalam kehidupan seharian masyarakat. Bahkan, penggunaan bahasa dalam berkomunikasi antara satu sama lain juga semakin berbeza daripada bahasa Melayu standard (BMS). Tidak dapat dinafikan bahawa penggunaan bahasa yang pelbagai semasa menggunakan media sosial adalah pilihan individu, termasuk berkaitan penggunaan bahasa slanga. Tambahan pula, bahasa ini adalah bahasa yang kini menjadi bahasa komunikasi kegemaran masyarakat apabila menggunakan platform media sosial seperti *Twitter*, *Facebook*, *Instagram* dan sebagainya.

Menurut Fazal dan Muhammad Syafreza (2022) dalam kajian yang bertajuk “Slanga dalam Media Sosial: Suatu Pendekatan Minimalis”, juga menyatakan bahawa penggunaan bahasa slanga dalam media sosial seperti *WhatsApp* dan *Instagram* mempunyai hubungan dengan kata ganti nama diri, kata kerja, kata slanga yang merujuk kepada ekspresi, serta slanga yang dipengaruhi oleh bahasa asing. Hal ini menyebabkan pengkaji berpendapat bahawa kewujudan serta penggunaan bahasa slanga di media sosial bukan sahaja terikat kepada hubungannya dengan bahasa komunikasi masyarakat, tetapi juga dengan penggunaannya dalam mengekspresikan konteks situasi tertentu penutur. Justeru itu, pengkaji ingin mengenal pasti penggunaan bahasa slanga pada platform maya ini bagi melihat kewujudan serta kepelbagaiannya yang mempengaruhi bahasa komunikasi masyarakat.

Di samping itu, tidak dapat dinafikan bahawa bahasa slanga bukan sahaja digunakan dalam komunikasi lisan semata-mata, tetapi juga dalam komunikasi tulisan di media sosial. Menurut penelitian pengkaji, banyak kajian lepas yang menjalankan kajian berkaitan makna bahasa slanga dalam pertuturan lisan, namun kurang menghuraikan makna bahasa tersebut dengan lebih mendalam. Hal ini menyebabkan pengkaji berminat untuk menjalankan kajian melalui dua objektif; iaitu mengenal pasti penggunaan bahasa slanga dalam kalangan masyarakat di media sosial dan menganalisis penggunaan bahasa slanga berdasarkan pendekatan semantik inkuisitif.

1.1 Permasalahan Kajian

Bahasa slanga ialah bahasa yang semakin gemar dituturkan dalam kalangan masyarakat pada hari ini terutamanya semasa berkomunikasi di media sosial. Antara sarjana yang menjalankan kajian berkaitan bahasa slanga ialah Norfarahdila dan Sa’adiah (2018). Hasil daripada kajian tersebut telah mendapati bahawa terdapat banyak bentuk kosa kata bahasa slanga yang dituturkan oleh responden seperti ‘cikaro’, ‘manoi’, ‘masyuk’, ‘kipidap’ dan sehingga lebih dari 50 kosa kata slanga bersama definisi slanga tersebut. Di samping itu, kajian tersebut juga menganalisis kekerapan penggunaan slanga, faktor penggunaan slanga dan kesan penggunaan bahasa slanga terhadap ketulenan bahasa Melayu standard (BMS). Namun begitu, kajian tersebut kurang menjelaskan proses pembentukan dan kewujudan bahasa slanga tersebut secara menyeluruh.

Kajian selanjutnya dijalankan oleh Tengku Fariqul dan Harishon (2018) yang bertajuk “Slanga sebagai Wahana Komunikasi dalam kalangan Remaja di Bengkalis”. Kajian tersebut mengaplikasikan teori domain penggunaan bahasa oleh Fishman (1972a) bagi membincangkan berkaitan slanga dari aspek konteks bahasa. Sarjana tersebut berpendapat bahawa terdapat perbezaan penggunaan leksikal bahasa slanga semasa berkomunikasi antara remaja lelaki dan perempuan. Hasil daripada kajian tersebut mendapati bahawa slanga yang dituturkan oleh remaja lelaki hanya kepada rakan sebaya atau rakan sepermainan bagi tujuan untuk mengejek dan menghina. Manakala bagi remaja perempuan, slanga yang dituturkan berfungsi sebagai suatu ancaman kepada lawan tutur, menghina, mengejek, atau memaki seseorang yang juga dituturkan bersama rakan sebaya. Oleh itu, dapat dilihat bahawa fungsi penggunaan slanga yang negatif pada dapatan serta konteks penggunaan slanga oleh responden remaja lelaki dan perempuan.

Berdasarkan beberapa kajian tersebut, dapat dilihat bahawa kajian berkaitan bahasa slanga di media sosial agak terhad serta kurang menjelaskan berkaitan pembentukan leksikal slanga. Oleh hal yang demikian, pengkaji ingin menganalisis pembentukan slanga sehingga ke akal budi masyarakat dengan menggunakan pendekatan semantik inkuisitif yang diperkenalkan oleh Nor Hashimah Jalaluddin (2014). Melalui pendekatan tersebut, pengkaji akan meneliti makna leksikal slanga yang ditemui dengan lebih jelas daripada pelbagai perspektif.

1.2 Objektif Kajian

Dalam kajian ini, pengkaji menggariskan dua objektif utama, iaitu:

- i. Mengenal pasti penggunaan bahasa slanga dalam kalangan masyarakat di media sosial.
- ii. Menganalisis penggunaan bahasa slanga dalam kalangan masyarakat berdasarkan pendekatan semantik inkuisitif di media sosial.

2. Sorotan Literatur

Dalam sorotan literatur, pengkaji membahagikan kajian-kajian lepas kepada dua kategori, iaitu yang pertama dalam skop penelitian bahasa slanga, dan yang kedua ialah kajian dalam landasan semantik inkuisitif.

Bahasa Slanga

Terdapat tiga kajian lepas yang dilihat membuat penelitian terhadap kajian bahasa slanga, iaitu kajian Siti Nasarah et al. (2015), Norfarahdila dan Sa'adiah (2018) serta kajian yang dilakukan oleh Fazal Mohamed & Muhammad Syafreza Azwan (2022). Kajian yang dilakukan oleh Siti Nasarah et al. (2015) adalah berkaitan penggunaan bahasa slanga dalam aplikasi IM (*Instant Message*) *WhatsApp*. Media baharu dan aplikasi komunikasi seperti *WhatsApp*, *Telegram*, *Twitter*, *Instagram*, dan sebagainya kini sering digunakan oleh masyarakat dalam menyampaikan maklumat, bersosial dan berkomunikasi. Bahkan, aplikasi tersebut dengan mudah dapat dicapai melalui telefon pintar yang menyebabkan ketersampaian maklumat juga menjadi lebih cepat. Oleh sebab itu, kajian tersebut dijalankan bertujuan untuk mengenal pasti faktor motivasi yang menyebabkan penggunaan slanga dalam aplikasi IM dan menganalisis corak penggunaan slanga tersebut. Kaedah kuantitatif diaplikasikan bagi kajian ini melalui kaedah soal selidik dalam kalangan responden kajian yang merupakan pelajar UiTM, Melaka.

Di samping itu, kajian yang dijalankan oleh Norfarahdila dan Sa'adiah (2018) juga turut melihat fenomena penggunaan bahasa slanga dalam kalangan remaja Felda di Gugusan Felda Taip Andak. Kajian tersebut dilaksanakan bagi mengetahui bentuk-bentuk slanga yang sering digunakan oleh remaja, mengenal pasti kekerapan penggunaan bahasa slanga, faktor kecenderungan remaja menggunakan bahasa slanga dan menilai kesan yang wujud akibat fenomena penggunaan bahasa slanga dalam kalangan remaja. Hasil daripada kajian telah menunjukkan beberapa kosa kata bahasa slanga digunakan dalam kalangan remaja seperti "bersemut", "manoi", "barai", "masyuk", dan banyak lagi yang wujud daripada pelbagai bentuk bahasa sehingga kedengaran pelik sekiranya makna slanga tersebut tidak difahami. Malahan, kajian ini juga mendapati kekerapan penggunaan bahasa slanga dalam komunikasi harian adalah disebabkan oleh pertuturan bersama rakan dan digunakan dalam aplikasi seperti *WhatsApp*, *Instagram*, dan *Wechat*.

Pada dasarnya, terdapat persamaan yang dapat dilihat antara kajian yang dijalankan oleh Siti Nasarah et al. (2015) dan kajian oleh Norfarahdila dan Sa'adiah (2018). Kedua-dua kajian tersebut melihat kepada penggunaan bahasa slanga dalam kalangan pelajar dan remaja melalui komunikasi secara langsung atau komunikasi dalam talian. Oleh hal yang demikian, hasil dapatan bagi kedua-dua kajian tersebut kelihatan hampir sama kerana masing-masing memaparkan kekerapan, faktor dan kesan terhadap penggunaan bahasa slanga. Walau bagaimanapun, kajian tersebut tidak melihat kepada proses pembentukan dan kewujudan bahasa slanga yang dilihat wujud daripada pelbagai bentuk kata. Hal ini dikatakan demikian kerana, setiap bahasa yang digunakan pasti mempunyai proses atau sebab disebalik pembentukannya sehingga menggunakan kata dasar bahasa slanga daripada BMS. Justeru, pengkaji berpendapat bahawa kajian berkaitan bahasa slanga memerlukan penelitian yang lebih terperinci berkaitan pembentukan bahasanya.

Berbeza dengan kajian yang dilakukan oleh Siti Nasarah et al. (2015) dan kajian oleh Norfarahdila dan Sa'adiah (2018), kajian yang dilakukan oleh Fazal Mohamed & Muhammad Syafreza Azwan (2022) pula telah meneliti penggunaan slanga dengan acuan kerangka minimalis. Pengkaji menasaskan dua objektif dalam kajian tersebut, iaitu menganalisis ayat selapis slanga dalam *Whatsapp dan Instagram* menggunakan kerangka minimalis serta menjelaskan pembentukan jenis ayat yang dianggap sebagai tidak formal. Pengkaji telah membuat huraian 'makna' ayat yang dikaji dengan kaedah mengumpul dan menjalankan analisis kandungan ke atas 25 ayat slanga daripada media sosial, iaitu *Instagram dan Whatsapp* sebagai instrumen pemerhatian. Hasil kajian menunjukkan slanga yang telah dikenal pasti mempunyai hubungan dengan kata ganti nama diri, kata kerja dan pengaruh bahasa asing.

Semantik Inkuisitif

Terdapat beberapa kajian lepas yang telah mengaplikasi pendekatan semantik inkuisitif dalam pelbagai acuan kajian. Julaina dan Nur Yasmin Afifie (2022), Nurul Syazana dan Nurul Jamilah (2021), Siti Elmira et al. (2021), Tangaprabu et al. (2018), Muhammad Zaid (2018) serta Maulana dan Nor Hashimah (2018).

Kajian yang dijalankan oleh Julaina dan Nur Yasmin Afifie (2022) telah mengupas konsep rasa sebagai refleksi emosi dalam peribahasa Melayu. Pengkaji telah menumpukan lima konsep rasa serta asosiasinya, iaitu tebu mewakili manis, cuka mewakili masam, belacan mewakili masin, kopi mewakili pahit dan air mewakili tawar. Hasil kajian mendapati konsep rasa yang terkandung dalam peribahasa mengandungi refleksi emosi yang tersirat. Seterusnya, kajian yang dilakukan oleh Nurul Syazana dan Nurul Jamilah (2021) pula telah menjelaskan dapatan penganalisisan penggunaan leksikal "hati" dalam simpulan bahasa. Di samping itu, kajian oleh Siti Elmira et al. (2021) juga memfokuskan kepada imej perlambangan "tangan" dalam simpulan bahasa Melayu dengan menggunakan pendekatan semantik inkuisitif. Kedua-dua kajian tersebut memfokuskan kajian kepada penggunaan satu objek seperti "hati" dan "tangan" dalam simpulan bahasa.

Selanjutnya, kajian oleh Siti Elmira et al. (2021) juga merupakan kajian yang mengaplikasikan pendekatan semantik inkuisitif dengan menjadikan simpulan bahasa Melayu sebagai bahan kajian. Namun begitu, kajian tersebut memfokuskan kepada imej perlambangan 'tangan' dalam simpulan bahasa Melayu yang telah dikesan daripada Kamus Peribahasa Melayu Edisi Kelima susunan Mohd. Tajuddin Hj Abd. Rahman (2017). Hasil daripada kajian tersebut pula telah mendapati beberapa tema melalui simpulan bahasa yang berlambangkan 'tangan' seperti perangai, sikap dan perbuatan, kemudian untung, nasib, dan sia-sia, ilmu pengetahuan dan pelajaran, hal-hal kehidupan, keadaan dan perbandingan, serta hal pemerintahan dan adat negeri. Melalui hasil dapatan yang dihuraikan, dapat difahami bahawa tangan merupakan antara anggota badan yang paling banyak digunakan oleh manusia dalam menjalankan aktiviti seharian.

Melalui pendekatan semantik inkuisitif, Tangaprabu et al. (2018), dan Muhammad Zaid (2018) telah memfokuskan kepada simbol dan imej tumbuhan dengan menggunakan bahan kajian yang berbeza. Tangaprabu et al. (2018) telah menjalankan kajian yang berhubung imej tumbuhan dalam peribahasa Tamil, manakala Muhammad Zaid (2018) pula telah menganalisis imej tumbuhan dalam slanga di kedai kopi.

Kajian oleh Maulana dan Nor Hashimah (2018) yang bertajuk "Unsur Burung Dalam Pantun: Analisis Semantik Inkuisitif" juga serupa dengan kajian-kajian yang dinyatakan sebelum ini berdasarkan pendekatan semantik inkuisitif. Kajian ini hanya memfokuskan kepada unsur burung yang digunakan pada pantun Melayu yang terkandung dalam buku Kurik Kundi Merah Saga Kumpulan Pantun Lisan Melayu (1990). Tambahan lain, kajian ini telah menetapkan beberapa objektif kajian seperti mengkategorikan burung mengikut tabiatnya dalam pantun Melayu, menganalisis kolokasi, pembayang, dan makna pantun, serta menghurai pemikiran dan tafsiran akal budi Melayu di sebalik kolokasi, pembayang dan makna pantun berunsurkan burung merpati, burung pipit, serta burung tiong.

Kerelevanan pendekatan semantik inkuisitif dalam menghuraikan fenomena bahasa, terutamanya berhubung kait falsafah dan akal budi Melayu, telah menyebabkan pengkaji mengaplikasi pendekatan yang sama dalam kajian ini. Justeru, dengan menjadikan media sosial sebagai bahan kajian,

pengkaji akan menghasilkan satu penulisan yang berhubung semantik inkuisitif dalam memfokuskan bahasa slanga sebagai aspek penelitian.

3. Metodologi Kajian

Kajian ini dijalankan dengan menggunakan kaedah kualitatif, iaitu melalui soal selidik dan pemerhatian pengkaji melalui media sosial seperti *Facebook dan Twitter*. Pengkaji juga menetapkan penggunaan pendekatan semantik inkuisitif yang diperkenalkan oleh Nor Hashimah Jalaluddin (2014) sebagai pendekatan utama dalam menghuraikan hasil dapatan kajian. Pendekatan semantik inkuisitif ialah suatu pendekatan yang terbentuk setelah wujudnya semantik skrip dan semantik resonans (Nor Hashimah Jalaluddin 2014). Namun begitu, kedua-dua pendekatan tersebut tidak mampu untuk menjelaskan makna sebenar ujaran atau perkara yang dituturkan oleh penutur kepada pendengar. Hal ini demikian kerana, kajian semantik skrip hanya melibatkan makna setara sifat harfiah dan peringkat kognitif sahaja, manakala semantik resonans hanya melibatkan data, teori, serta kognitif penutur (Julaina Nopiah et al., 2017).

Jadual 1: Kerangka Pendekatan Semantik Inkuisitif

Semantik Skrip	Semantik Resonans	Semantik Inkuisitif
Makna Harfiah/Dasar	Data, teori dan Kognitif	Falsafah dan Akal Budi

Semantik inkuisitif pula merupakan satu tahap yang terbaik dalam menilai makna sebenar sehingga mencapai peringkat akal budi Melayu (Nor Hashimah Jalaluddin, 2014). Oleh hal yang demikian, pengkaji akan menghuraikan dapatan kajian ini dengan menggunakan semantik inkuisitif bagi mencapai tahap penjelasan yang menyeluruh dalam menganalisis sehingga ke akal budi penutur serta pembaca.

4. Dapatan Dan Perbincangan Kajian

Bahasa slanga yang wujud sebahagiannya sering menggunakan perkataan lain dengan membawa makna yang berbeza mengikut konteks dan situasi tertentu. Justeru, hasil daripada pemerhatian pengkaji di *Twitter dan Facebook*, slanga “bersemut”, “menganjing”, “berkokok”, “langau”, “membawang”, “pishang”, “berkicap”, dan “digula-gulakan” akan dianalisis. Kedua-dua media sosial tersebut merupakan aplikasi media sosial yang sering digunakan oleh masyarakat pada hari ini untuk berkomunikasi dan berkongsi pendapat secara terbuka.

Jadual 2: Slanga di Media Sosial *Facebook dan Twitter*

Bil.	Slanga	Makna Mudah	Kata Asal
1.	bersemut	Perkara atau situasi yang romantik dan indah	semut
2.	menganjing	Mengejek/menghina	anjing
3.	berkokok	Bising/ Membebel	berkokok (ayam)
4.	langau	Orang yang tidak melakukan apa-apa	Langau (lalat)
5.	membawang	Mengumpat/berkata perkara yang tidak baik	bawang
6.	pishang	Bosan	Pisang
7.	berkicap	Menunggu sesuatu yang sangat lama	kicap
8.	digula-gulakan	Janji manis/mudah tertipu	Gula-gula

Berdasarkan jadual di atas, pengkaji telah menyenaraikan leksikal slanga yang kini semakin popular digunakan dalam kalangan masyarakat di media sosial semasa berkomunikasi secara dalam talian. Tidak dapat dinafikan bahawa bahasa slanga berikut menjadi antara slanga yang sering digunakan dalam kalangan masyarakat bagi menyampaikan perasaan dan pandangan terhadap situasi tertentu.

Slanga: *bersemut*

Tahap 1: Semantik Skrip

Semut didefinisikan sebagai serangga yang merayap serta terdiri daripada pelbagai jenis seperti semut api (*Tetraponera rufonigra*), semut gajah (*Comptonotus gigas*), semut gula (*Momorium pharaonis*), semut kayu (*Camponotus herculeanus*), dan banyak lagi.

Tahap 2: Semantik Resonans

- i. ala ala alaaa makin sweet la najwa latif dengan akwa ni makin ****bersemut**** la lepas kahwin alahaiiii
- ii. ****bersemut**** weyh *story* aku tengok *story* najwa latif pi honeymoon

(Sumber: Twitter, 2022)

Melalui contoh pada ujaran (i), frasa ‘makin *sweet*’, ‘najwa latif dengan akwa’, dan ‘lepas kahwin’ dapat dirujuk silang dengan leksikal slanga *bersemut*. Hal ini dikatakan demikian kerana, melalui konteks ujaran tersebut, pengkaji dapat memahami serta jelas akan makna tersirat penggunaan slanga tersebut. Lebih-lebih lagi berdasarkan frasa ‘makin *sweet*’ dan ‘lepas kahwin’ tersebut menunjukkan situasi yang indah dan bermakna sehingga menyebabkan penutur dapat memahami situasi yang berlaku; iaitu kebahagiaan atau kemanisan pasangan yang baru sahaja berkahwin.

Manakala dalam konteks ayat (ii) pula, maksud dan peranan slanga *bersemut* juga sama seperti yang dinyatakan pada ayat (i). Hal ini demikian kerana, melalui ujaran ‘aku tengok *story* najwa latif pi *honeymoon*’ secara jelas memfokuskan kepada konteks *honeymoon* atau ‘bulan madu’ yang menyebabkan individu tersebut telah menggambarannya sebagai situasi yang ‘manis dilihat’.

Tahap 3: Semantik Inkuisitif

Semut merupakan kerangka yang wujud dalam bentuk kumpulan dan saling bekerjasama antara satu sama lain. Kebiasaannya, semut akan mencari sumber makanan, memindahkan sarang, melindungi sarang, serta mengurus bahan buangan yang berada di sekitarnya. Hal ini terjadi kerana, semut sangat sensitif dalam mengesan sesuatu yang manis seperti zat glukosa dan fruktosa. Oleh itu, serangga tersebut menjadikan zat yang terdapat pada gula sebagai sumber tenaga bagi meneruskan kehidupan selain daripada zat yang terdapat pada tumbuh-tumbuhan atau bangkai haiwan yang telah mati. Secara ringkas, ‘semut’ dan ‘sesuatu yang manis’ merupakan suatu perkaitan yang sering dituturkan oleh masyarakat bagi menginterpretasikan slanga *bersemut*.

Oleh sebab itu, masyarakat menuturkan ‘manis’ ke perkataan bahasa Inggeris ‘*sweet*’ yang digunakan menggambarkan sesuatu yang indah atau romantik seperti ‘*sweet moment*’, ‘wah, so sweet’. Hal ini demikian kerana, menjadi tabiat masyarakat pada hari ini apabila menggunakan media sosial, masyarakat gemar bercerita tentang topik tertentu sehingga mendapat ‘perhatian’ masyarakat. Misalnya, terdapat pasangan pengantin yang baru sahaja melangsungkan majlis perkahwinan lalu gelagat ‘mencuit hati’ yang dikongsikan pengantin membuat orang lain ‘suka’ melihatnya. Situasi tersebut digambarkan serupa dengan tabiat sekumpulan semut mengerumuni sesuatu yang ‘manis’. Malah, situasi yang sama berlaku apabila sesuatu tindakan yang ‘indah’ atau ‘manis’ disebarkan hingga menyebabkan masyarakat ‘gemar’ melihatnya.

Kebijaksanaan pemikiran masyarakat dalam menggunakan dan membentuk slanga *bersemut* tidak dapat disangkal lagi. Hal ini kerana, masyarakat telah melihat daripada suatu sudut yang positif berkaitan serangga kecil tersebut bagi membentuk bahasa slanga.

Slanga: *menganjing***Tahap 1: Semantik Skrip**

Anjing didefinisikan sebagai haiwan peliharaan yang menyalak sama ada dipelihara untuk menjaga rumah atau anjing yang liar tanpa penjaga. Namun, slang ini membawa makna lain dalam konteks ujaran masyarakat ketika berkomunikasi di media sosial; iaitu sebagai tujuan menghina, mengejek serta mempersenda seseorang atau situasi tertentu.

Tahap 2: Semantik Resonans

- i. Seronok orang tu *****menganjing***** kta. x pe la hari ini org gelak kan kta, malukan kta, esok lusa hari dia pula. *What goes around comes around*. Ye la dia kan hebat, yg dihormati, yg dikagumi, yg disanjung, kta ni *level2* pencaci taik kuda ja.
- ii. Kenapalah org normalisasikan sangat *body shaming* ni.. nampak muka aku je topik badan besar dri yg lain.. and level *****menganjing***** makin teruk and *make me seriously wkm*.

(Sumber: Twitter, 2022)

Berdasarkan ujaran (i), frasa ‘org gelak kan kta’ dan ‘malukan kta’ telah dirujuk silangkan dengan slang *menganjing*. Ujaran tersebut secara jelas menunjukkan situasi mempersenda, mengejek dan menghina melalui penekanan terhadap frasa ‘org gelak kan kta’ dan ‘malukan kta’. Konteks ujaran (i) ini juga dilihat sebagai suatu bentuk sindiran terhadap seseorang yang telah mempersendakan dan mentertawakan tindakan penutur. Namun, slang ini tidak memaparkan antededen yang nyata melalui ujarannya, tetapi ayat tersebut dapat difahami oleh pembaca sekiranya memahami konteks ‘anjing’. Hal ini kerana, anjing ialah haiwan peliharaan yang diketahui akan keagresifannya apabila menyalak. Tabiat ini juga merupakan suatu bentuk komunikasi anjing kepada sesuatu sama ada sebagai tanda marah dan amaran. Bahkan, anjing selalu merasakan diri mereka berkuasa kerana diberi kepercayaan untuk menjaga rumah pemiliknya, maka anjing berpotensi untuk menyalak atas tafsiran yang salah. Oleh sebab itu, tabiat anjing yang suka menyalak ini dapat membantu pembaca untuk menginterpretasikan maksud slang *menganjing* yang dituturkan oleh penutur ayat (i).

Melalui ayat (ii), slang *menganjing* dapat dirujuk silangkan dengan frasa ‘*body shaming*’, ‘nampak aku je topik badan besar dri yg lain’, dan ‘*make me seriously wkm*’. Sebelum itu, ayat penuh bagi frasa ‘*wkm*’ ialah ‘*want kill myself*’ yang merupakan singkatan frasa bahasa Inggeris dalam pertuturan remaja pada hari ini terhadap keadaan tertentu. Melihat kepada konteks ujaran (ii) tersebut, dapat difahami bahawa penutur telah dipersenda dan diejek oleh individu lain kerana mempunyai saiz tubuh badan yang besar melalui frasa ‘*body shaming*’. Bahkan, ujaran ini juga difahami sebagai suatu bentuk luahan peribadi penutur sehingga merasakan tindakan individu yang mempersenda dirinya telah mencapai tahap yang teruk. Hal ini dibuktikan dengan luahan penutur yang ingin mencederakan dirinya kerana terkesan dengan hinaan dan ejekan tersebut.

Tahap 3: Semantik Inkuisitif

Anjing ialah haiwan yang menyalak dan sering dipelihara oleh seseorang untuk menjaga rumah atau terdapat juga anjing liar yang tidak dimiliki oleh sesiapa yang digelar sebagai anjing jalanan. Malah, peranan anjing terhadap manusia juga berbeza sama ada sebagai teman, terapi manusia, pembantu individu kurang upaya penglihatan, perlindungan, pembantu polis, dan banyak lagi sehingga mendapat gelaran “sahabat baik manusia” di negara Barat. Walau bagaimanapun, masyarakat Melayu yang beragama Islam, kecuali kaum Cina dan India, kebiasaannya tidak memelihara anjing di dalam rumah. Hal ini demikian kerana, anjing ialah haiwan yang tidak dibenarkan untuk disentuh dan hukumnya haram dalam Islam. Dalam keadaan apa sekalipun, anjing ialah haiwan yang haram untuk dipelihara mengikut hukum syarak Islam melainkan untuk tujuan pemburuan, menjaga tanaman, atau melindungi ternakan serta beberapa sebab tertentu.

Terdapat sebuah riwayat hadis yang menyatakan kesan buruk sekiranya memelihara anjing di dalam rumah yang akan menjadi penyebab kepada terhalangnya rahmat Allah SWT ke rumah tersebut. Hadis tersebut diriwayatkan oleh Abi Talhah RA, bahawa Rasulullah SAW bersabda:

لَا تَدْخُلُ الْمَلَائِكَةُ بَيْتًا فِيهِ كَلْبٌ، وَلَا صُورَةٌ تَمَائِيلٌ

Maksudnya: Malaikat tidak masuk ke dalam rumah yang terdapat anjing, dan patung untuk disembah.
(Hadis riwayat Bukhari: 3225)

Hadis tersebut menjelaskan bahawa rumah atau kediaman yang mempunyai anjing dan gambar patung atau haiwan tidak akan dimasuki oleh malaikat. Maksud ‘malaikat’ yang disebutkan pada hadis tersebut ialah merujuk kepada malaikat yang membawa rahmat dan keampunan, bukan malaikat penjaga menurut Sheikh Badruddin al-Aini (Umdat al-Qari Syrah Sohih al-Bukhari: 11/224). Oleh sebab itu, haram di sisi Islam bagi seseorang muslim memelihara anjing tanpa sebab yang dibenarkan oleh syarak kerana haiwan ini mendatangkan kesan kepada kehidupan muslim seperti berkurangnya pahala dan dijauhkan daripada rahmat Allah SWT. Namun begitu, hukum hakam berkaitan anjing ini tidak bermaksud bahawa Islam memandang hina terhadap anjing. Terdapat banyak juga kisah dan riwayat dalam kalangan sahabat Rasulullah SAW yang memuliakan anjing.

Tambahan pula, masyarakat secara umumnya telah mendefinisikan anjing sebagai haiwan yang hina kerana hukum haram terhadapnya. Hal ini demikian kerana, apabila dianggap sebagai haiwan yang ‘hina’ oleh sesetengah masyarakat telah menyebabkan konteks ‘hina’ tersebut diadaptasikan dalam konteks makna slanga *menganjing* ini. Oleh sebab itu, slanga *menganjing* telah dituturkan oleh masyarakat sebagai tujuan menghina dan mempersendakan sesuatu.

Slanga: *berkokok*

Tahap 1: Semantik Skrip

Slanga *berkokok* ialah membuat bising, marah atau membebel terhadap situasi tertentu. Slanga *berkokok* ini juga difahami oleh masyarakat sebagai salah satu perbuatan atau tabiat ayam. Malah, ‘berkokok’ didefinisikan sebagai bunyi yang berlarut-larut oleh ayam jantan atau suatu perbuatan mengucapkan kata-kata sebagai tanda kegagahan dan kemenangan (Kamus Dewan Edisi Keempat, 2005).

Tahap 2: Semantik Resonans

- i. Bang, korang ****berkokok**** kat *Facebook* menyebarkan dakyah kat Tiktok, kitorang *chill* je. Jangan la marah kitorang kat Twitter celebrate PM10 kitorang. Tak guna internet awak pun. Chill ok.
- ii. Sblum pru ****berkokok**** berdesar desar mcm la parti lawan tu bukan manusia di sumpah seranah bagai. Skrng dah serba salah kan? Dulu ku dah kata biarlah jatuh tersungkur, tapi jgn sampai misai mencecah tanah.. takdopek den nk nolong.

(Sumber: Twitter, 2022)

Melalui ujaran (i), frasa ‘menyebarkan dakyah kat Tiktok’, ‘janganlah marah kitorang kat Twitter’ dan ‘tak guna internet awak pun’ dapat dirujuksilangkan dengan slanga *berkokok* tersebut. Hal ini demikian kerana, makna bagi ujaran tersebut dapat difahami melalui frasa tersebut yang menunjukkan perbuatan ‘bising’ dan perasaan marah individu yang dimaksudkan oleh penutur terhadap tindakan ‘menyebarkan dakyah di Tiktok’ tersebut.

Melihat kepada kelakuan sosial ayam yang gemar hidup berkelompok ayam akan mengeluarkan bunyi berserta gerakan yang berulang kali sebagai tanda untuk memaklumkan ayam lain bahawa kawasan tersebut adalah lubuk makanan (Hajira Ramlan, 2021). Bunyi yang dimaksudkan ialah bunyi berkokok yang dikeluarkan oleh ayam semasa berkomunikasi. Melalui ‘berkokok’ ini dapat dikaitkan dengan penggunaan slanga *berkokok* yang difahami oleh masyarakat pada hari ini. Hal ini demikian kerana, bunyi berkokok yang ‘kuat’ dapat digambarkan sebagai situasi seseorang yang sedang membuat bising, marah atau membebel terhadap sesuatu perkara secara berlebihan. Sebagai contoh, melalui ujaran (i), penutur tersebut menjelaskan kepada seseorang terhadap perlakuannya yang ‘menyebarkan dakyah kat Tiktok’ secara berlebihan adalah suatu perbuatan bising, marah atau bebelan yang tidak sepatutnya berlaku.

Ujaran (ii) pula dilihat sebagai suatu bentuk sindiran kepada tindakan seseorang yang tidak relevan. Hal ini dikatakan demikian kerana, melalui frasa ‘sblum pru berkokok berdesar desar’, ‘mcm la parti lawan tu bukan manusia di sumpah seranah bagai’, dan ‘skrng serba salah kan?’ telah menyebabkan makna slanga tersebut dapat difahami. Malahan, ketiga-tiga frasa tersebut dapat dirujuksilangkan

dengan slanga *berkokok* yang dituturkan oleh penutur tersebut. Penutur juga menggunakan leksikal ‘berdesar’ sebagai kata penguat bagi slanga *berkokok* yang bermaksud bunyi besar, mendesar seperti bunyi bara api yang terkena air, atau marah (Kamus Dewan Edisi Keempat, 2005). Hal ini menunjukkan, frasa ‘sblum pru berkokok berdesar desar’ yang dimaksudkan oleh penutur ialah sikap marah yang berlebihan (bunyi besar) oleh seseorang individu sehingga dijelaskan oleh frasa ‘mcmla parti lawan tu bukan manusia di sumpah seranah bagai’. Frasa ‘sumpah seranah’ yang dituturkan penutur sekali gus telah menggambarkan tindakan bising yang berlebihan tersebut.

Tahap 3: Semantik Inkuisitif

Dalam konteks masyarakat di media sosial hari ini, pengkaji mendapati responden menyatakan bahawa slanga *berkokok* lebih merujuk kepada bunyi yang bising atau bebelan terhadap sesuatu. Bunyi bising yang dimaksudkan lebih kepada tindakan seseorang yang ‘banyak bunyi’ serta membebel ketika menyuarakan pendapat di media sosial seperti bunyi ayam yang berkokok dengan kuat. Oleh sebab itu, slanga *berkokok* merujuk kepada kebebasan menyuarakan pendapat dalam kalangan masyarakat terhadap sesuatu yang tidak disukai. Slanga *berkokok* juga sering dituturkan oleh masyarakat sebagai suatu bentuk sindiran kepada seseorang kerana pendapat atau nasihat yang diberikan. Hal ini kerana, nasihat yang diberikan tidak dapat diterima oleh individu lain sehingga dikatakan sebagai *berkokok* tentang perkara yang sia-sia.

Melalui slanga *berkokok*, dapat dilihat bahawa ayam adalah haiwan yang menunjukkan perkaitannya secara langsung. Pada perspektif masyarakat, ayam adalah haiwan yang sangat dekat dengan manusia khususnya yang tinggal di kawasan kampung. Hasil daripada bunyi ayam tersebut iaitu; bunyi ‘kok kok kok’ yang kuat menyebabkan ayam dikatakan sedang berkokok tanpa dapat difahami konteks bunyi tersebut selain daripada kedengaran sebagai satu bunyi yang ‘bising’ bagi manusia. Oleh sebab itu, slanga *berkokok* dituturkan dalam kalangan masyarakat di media sosial bagi menggambarkan ‘bunyi bising’ seseorang yang bertutur tanpa konteks yang tepat dan sesuai. Justeru, melalui kewujudan kemudahan teknologi yang pelbagai pada hari ini, komunikasi yang berlaku dalam kalangan masyarakat semakin bebas tanpa memikirkan etika dan kesantunan berbahasa. Misalnya, melontarkan kata-kata kesat atau rasa tidak puas hati secara terbuka berkaitan sesuatu isu yang dinyatakan di *Facebook* atau *Twitter*.

Slanga: *membawang*

Tahap 1: Semantik Skrip

Slanga *membawang* membawa maksud perbuatan mengumpat atau berkata sesuatu perkara yang tidak baik. Bawang atau nama saintifiknya *Allium fistulosum* merujuk kepada suatu tumbuhan yang umbinya dimakan dan merupakan bahan utama dalam masakan.

Tahap 2: Semantik Resonans

- i. Elakkan budaya ****membawang**** di tempat kerja. Selain ia tidak berfaedah, ia merendahkan produktiviti kamu sendiri.
- ii. Dalam diam ada orang terdekat sedang memerhatikan anda di media sosial dan akan ****membawang**** tentang kisah hidup anda..

(Sumber: Twitter dan Facebook, 2022)

Ayat (i) merupakan contoh penggunaan slanga *membawang* yang dapat membantu pengkaji bagi menjelaskan makna slanga tersebut. Seperti yang dapat dilihat, ujaran (i) merupakan suatu bentuk pesanan serta nasihat yang disampaikan oleh seseorang terhadap perbuatan *membawang* tersebut. Melalui ujaran (i) berikut, kesan daripada perbuatan yang dimaksudkan akan menjejaskan produktiviti seseorang kerana tidak mendatangkan faedah atau manfaat kepada sesiapa. Secara ringkas, keadaan ini dapat difahami bahawa perbuatan *membawang* adalah suatu budaya yang negatif dan tidak sepatutnya dilakukan di tempat kerja. Hal ini menunjukkan, slanga *membawang* tersebut dapat dirujusilangkan dengan frasa ‘budaya membawang di tempat kerja’, ‘tidak berfaedah’, dan ‘merendahkan produktiviti’. Ketiga-tiga frasa ini membantu menjelaskan makna slanga ini dengan lebih jelas dan penggunaannya dalam ujaran.

Malah, ayat (ii) juga adalah data kajian yang dapat menjelaskan makna serta penggunaan slanga ini dengan lebih lanjut. Berdasarkan ayat (ii), dapat difahami bahawa konteks bagi ayat tersebut adalah suatu peringatan bahawa dalam kehidupan seseorang pasti ada seseorang yang sedang memerhatikan di media sosial dan mengambil tahu tentang kehidupan seseorang dengan tujuan tertentu. Hal ini secara tidak langsung telah menjelaskan bahawa slanga *membawang* tersebut merujuk kepada perbuatan yang dilakukan terhadap seseorang tanpa disedari oleh sesiapa, tambahan pula dalam dunia maya hari ini. Justeru, konteks bagi ayat (ii) dapat membantu pembaca atau pendengar memahami bahawa slanga ini sering digunakan untuk menjelaskan penggunaan slanga *membawang* sebagai perbuatan mengumpat atau berkata sesuatu yang tidak baik dalam komunikasi masyarakat.

Tahap 3: Semantik Inkuisitif

Penggunaan leksikal bawang pada slanga ini dapat dilihat melalui aktiviti mengupas bawang yang dilakukan semasa aktiviti merewang khususnya dalam kalangan masyarakat Melayu. Masyarakat Melayu terkenal dengan aktiviti merewang apabila tiba musim kenduri-kendara yang dihadiri oleh saudara mara dan jiran tetangga bagi membantu tuan rumah melancarkan majlis tersebut. Pembahagian tugas dilakukan semasa aktiviti rewang yang melibatkan sesi memotong daging, memotong ayam, memotong sayur, dan tidak ketinggalan mengupas bawang sebagai salah satu bahan masakan kenduri tersebut. Maka, pembentukan slanga *membawang* ini wujud semasa sesi mengupas bawang tersebut. Bahkan, individu yang terlibat untuk mengupas bawang tersebut sering kali terdiri dalam kalangan wanita dan sebahagiannya ialah makcik saudara yang berusia.

Melalui aktiviti mengupas bawang, yang disebut sebagai slanga *membawang* ini telah berlaku sesi bertukar cerita. Akan tetapi, cerita yang dikongsikan adalah cerita yang positif dan sebahagiannya negatif sehingga menjadi perbuatan mengumpat atau berkata perkara yang tidak baik. Bahkan, individu yang terlibat semasa sesi mengumpat tersebut juga diberi gelaran ‘makcik bawang’ oleh masyarakat pada hari ini. Oleh itu, slanga *membawang* yang digunakan pada masa kini telah mengadaptasi konsep situasi daripada sesi merewang untuk mengupas bawang yang dilakukan oleh masyarakat terdahulu. Sesi bertanya khabar bertukar menjadi sesi mengumpat yang tidak mendatangkan manfaat kepada silaturrahim atau tali persaudaraan yang sudah lama terjalin.

Tambahan lain, apabila melakukan aktiviti mengupas bawang akan menyebabkan seseorang kepedihan mata dan menangis dengan cepat. Hal ini kerana, bawang merupakan salah satu tumbuhan yang menghasilkan bahan kimia yang menyebabkan ketidakselesaan pada mata yang dikenali sebagai *Lachrymatory Factor*. Apabila memotong bawang atau mengupas kulit bawang, bahan kimia tersebut merangsang bahagian kelenjar air mata sehingga membuat mata berasa pedih dan mengeluarkan air mata (Buletinfm, 2020). Keadaan ini juga telah menggambarkan kerelevanan tentang makna slanga *membawang* yang digunakan bagi merujuk kepada perbuatan mengumpat. Hal ini dikatakan demikian kerana, melalui sikap mengumpat tersebut akan menyebabkan individu yang diumpat bersedih dan terguris hati.

Melalui penggunaan slanga *membawang* yang dihuraikan, dapat dilihat bahawa pembentukan maknanya adalah dalam bentuk yang negatif. Hal ini kerana, slanga *membawang* membawa konteks mengumpat disebabkan tindakan masyarakat yang kurang peka dengan perasaan individu lain. Malahan, mengikut logik akal budi masyarakat pada hari ini, slanga *membawang* diadaptasikan daripada konteks situasi merewang di majlis kenduri; iaitu mengupas bawang sebagai pendefinisian slanga *membawang* secara implisit.

Slanga: *pishang*

Tahap 1: Semantik Skrip

Slanga *pishang* yang digunakan adalah bertujuan untuk menggantikan makna kata adjektif ‘bosan’ secara langsung. Namun begitu, pisang adalah buah yang merupakan antara sumber vitamin yang sangat terkenal dalam kalangan masyarakat Melayu. Pisang juga diketahui terdiri daripada pelbagai jenis seperti pisang emas, pisang berangan, pisang raja, pisang cavendish, pisang nangka, pisang tanduk dan banyak lagi.

Tahap 2: Semantik Resonans

- i. ****Pishang**** do nak hadap jammed malam2 ni
- ii. ****Pishang**** mat kalau account kena ransomware

(Sumber: Twitter, 2022)

Berdasarkan ujaran (i) berikut, penutur jelas menyatakan perasaan bosan kerana kesesakan lalu lintas yang perlu dihadapinya pada waktu malam. Hal ini menunjukkan, slanga *pishang* tersebut berjaya dirujuksilangkan dengan frasa “hadap jammed malam2 ni” bagi menggambarkan situasi yang sedang berlaku kepada penutur tersebut. Malahan, kesesakan lalu lintas diketahui sebagai situasi yang terlalu lama untuk selesai atas beberapa faktor yang tidak dapat dijangka semasa berada di jalan raya sama ada berlaku kemalangan atau ketika musim cuti perayaan. Situasi-situasi ini telah menggambarkan tempoh yang lama dan tidak mempunyai jangka masa selesai yang tetap sehingga menyebabkan masyarakat menggunakan slanga *pishang* bagi meluahkan situasi tersebut di media sosial.

Selain itu, bagi ujaran (ii) pula menunjukkan situasi yang berbeza tetapi pada konteks makna yang sama. Melalui ujaran “*pishang* mat kalau *account* kena *ransomware*” merujuk kepada akaun pada komputer yang diganggu oleh perisian atau virus sehingga menyebabkan individu tersebut merasa bosan. Hal ini kerana, masalah yang melibatkan teknologi komputer ini mengambil tempoh yang sangat lama untuk diselesaikan. Oleh itu, berdasarkan rujuk silang antara slanga *pishang* dan frasa “*account* kena *ransomware*” telah membantu untuk memahami konteks ujaran yang hendak disampaikan dengan jelas. Kedua-dua ujaran berikut menunjukkan bahasa slanga *pishang* sebagai bosan kerana suatu situasi yang mengambil tempoh lama dan tidak mempunyai ketetapan waktu. Walau bagaimanapun, penggunaan slanga *pishang* bagi merujuk kepada perasaan bosan masih belum dapat dijelaskan dengan mendalam pada peringkat ini.

Tahap 3: Semantik Inkuisitif

Melihat daripada sudut botani, buah pisang adalah buah yang tidak matang setandan secara serentak tetapi buah pisang akan matang sebiji dalam satu sikat tersebut. Bahkan, menurut Jabatan Pertanian Malaysia (2000) dalam buku bertajuk “Teknologi Pisang” bahawa kematangan buah pisang juga mengambil suatu tempoh yang lama bergantung kepada pemilihan kawasan, kultivar, pengurusan di ladang sehingga proses pembungkusan buah dilaksanakan.

Menurut buku tersebut, buah pisang mencapai peringkat matang apabila pembesaran buah berakhir dan masak dengan sempurna. Bagi menentukan kematangan buah pisang, saiz, rupa bentuk jejari buah, warna kulit, rupa benang sari yang tertinggal, atau umur buah selepas pengeluaran jantung dianalisis. Malahan, peringkat tumbesaran buah pisang juga sangat lama mengikut jenis buah pisang tersebut, misalnya pisang berangan matang setelah 12 bulan, pisang emas selama 8 bulan, pisang rastali selama 12 bulan, dan pisang Cavendish matang selama 13 bulan. Pisang mula mengeluarkan hasil pada umur 6 hingga 8 bulan lepas ditanam mengikut jenis buah pisang tersebut. Oleh sebab itu, tempoh matang buah pisang sememangnya mengambil tempoh yang lama. Situasi ini menunjukkan kerelevanan dengan makna slanga *pishang* sebagai bosan yang digunakan dalam kalangan masyarakat di media sosial hari ini kerana tempoh kematangan pisang diadaptasikan pada konteks makna slanga *pishang*.

Justeru, slanga *pishang* yang digunakan dalam kalangan masyarakat di media sosial telah menunjukkan bahawa masyarakat bijak menganalogikan tumbuhan ini kerana dekat dengan kehidupan masyarakat tanpa disedari mempunyai pelbagai manfaat. Malahan, dapat dilihat bahawa makna slanga *pishang* yang dituturkan oleh masyarakat di media sosial hari ini adalah merujuk kepada tempoh kematangan tumbuhan tersebut.

Slanga: *berkicap*

Tahap 1: Semantik Skrip

Kicap ialah benda cair yang berwarna hitam, diperbuat daripada air kacang soya dan garam, serta digunakan dalam masakan. Malahan, kicap juga merujuk kepada mencecah, mencolek sedikit atau mengenai sedikit (sambal kicap) sesuatu makanan (Kamus Pelajar Edisi Kedua, 2016). Slanga ini

digunakan bagi merujuk kepada situasi yang dialami oleh seseorang kerana menunggu suatu proses atau urusan yang sangat lama.

Tahap 2: Semantik Resonans

- i. *Next week nak berperang beratur nk mengundi pulak, waktu dicadangkan aku mengundi tengahari pulak tu. Tak ke ****berkicap**** nanti.*
- ii. *Ada kipas pun panas nak mampos... ni lagi kipas takde, semudah tu je nak tak nak kena tunggu office hour, ****berkicap**** lah 2 hari ni.. banyak kot sewa kolej tapi ntahlah*

(Sumber: Twitter, 2022)

Aspek makna awalan *beR-* memainkan suatu peranan yang sangat penting kerana pada dasarnya perkataan yang berawalan dengan awalan *beR-* ialah kata kerja yang membawa pengertian berlakunya sesuatu mengikut makna yang terkandung pada kata dasar. Walau bagaimanapun, bahasa slanga ialah bahasa tidak rasmi yang juga tidak terikat dengan sistem tatabahasa Bahasa Melayu sepenuhnya kerana kewujudannya sebagai bahasa baharu, bahkan sebahagiannya hanya dijadikan bahasa kolokial dalam kalangan masyarakat.

Ayat (i) dan (ii) di atas merupakan antara bukti yang menunjukkan bahawa slanga *berkicap* merujuk kepada seseorang yang menunggu sesuatu yang terlalu lama sehingga berpanas dan berpeluh. Slanga *berkicap* yang digunakan pada kedua-dua ujaran juga dapat dirujuksilangkan dengan beberapa frasa tersebut sehingga membantu individu lain memahami makna yang hendak disampaikan disebalik ujaran tersebut. Melalui ayat (i) dan (ii) juga dapat dilihat bahawa situasi yang dialami oleh penutur menyebabkan seseorang berpeluh kerana menunggu terlalu lama pada frasa “berperang beratur nak mengundi”, “waktu dicadangkan aku mengundi tengah hari pula tu”, dan “ada kipas pun panas sangat, ni lagi kipas tidak ada”. Hal ini menunjukkan, proses mengundi dan ketiadaan kipas di bilik telah menyebabkan penutur berpeluh sehingga digambarkan dengan slanga *berkicap* tersebut.

Tahap 3: Semantik Inkuisitif

Melihat dari sudut sains makanan, kicap diketahui umum sebagai salah satu bahan masakan yang diperbuat daripada kacang soya dan garam sehingga menjadi cecair berwarna hitam. Kicap juga terdiri daripada pelbagai jenis seperti kicap masin yang cair, dan kicap manis yang pekat terhasil daripada proses penapaian atau peraman bersama koji (*Aspergillus orizae*) yang mengambil tempoh yang lama.

Hal ini kerana, proses penghasilan kicap bermula dengan kacang soya yang dibersihkan, kemudian kacang tersebut akan direndam selama 12 jam sebelum dikisar atau dihancurkan. Kacang akan direbus semula bagi melembutkannya, dan akhirnya akan ditapai dengan koji dan beberapa organisma terpilih yang lain untuk menghasilkan satu tempe kacang soya. Setelah itu, dikeringkan dibawah matahari sebelum direndam dalam larutan garam. Tempe kacang soya tersebut akan direndam bersama larutan garam selama 10 hingga 15 minggu, dan akhirnya akan mengeluarkan cairan yang masyarakat kenali sebagai kicap. Maka, tidak dapat dinafikan bahawa makna bagi slanga *berkicap* ini diaplikasikan daripada konsep proses penghasilan kicap yang mengambil masa terlalu lama ibarat menunggu pada tempoh yang sangat lama.

Selain itu, penggunaan slanga *berkicap* ini juga digambarkan dengan keadaan berpeluh seseorang. Hal ini demikian kerana, kicap secara umum diketahui masyarakat sebagai bahan masakan yang ‘masam’ dan diibaratkan seperti ‘masam’ pada ketiak seseorang akibat berpanas sehingga berpeluh. Malahan, pemahaman masyarakat terhadap istilah masam dalam konteks slanga *berkicap* ini sebagai rasa yang kurang selesa pada tubuh badan akibat peluh yang terhasil. Walaupun pada hakikatnya, masam didefinisikan sebagai jenis rasa atau riak muka yang masam (Kamus Dewan Edisi Keempat, 2005)

Selanjutnya, berdasarkan daripada makna slanga *berkicap* yang difahami oleh masyarakat di media sosial pada hari ini; iaitu situasi menunggu terlalu lama akan sesuatu urusan juga dilihat sebagai sikap sabar dalam menunggu. Dari sudut Islam, sabar atau bersabar ini ditunjukkan daripada kesudian seseorang yang juga sanggup menunggu dengan lama. Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat (2005), sabar bermaksud betah dalam menahan penderitaan, kesakitan, dan kesusahan atau menanti dengan

tenang manakala erti sabar dalam Islam pula ialah tahan menempuh sesuatu yang sukar. Allah SWT telah berfirman dalam surah al-baqarah ayat 155-156:

وَلَنَبْلُوَنَّكُمْ بِشَيْءٍ مِّنَ الْخَوْفِ وَالْجُوعِ وَنَقْصٍ مِّنَ الْأَمْوَالِ وَالْأَنْفُسِ وَالتَّمَرَاتِ ۗ وَبَشِيرٍ ۗ الصَّابِرِينَ ۝ ١٥٥
الَّذِينَ إِذَا أَصَابَتْهُمُ مُصِيبَةٌ قَالُوا إِنَّا لِلَّهِ وَإِنَّا إِلَيْهِ رَاجِعُونَ ۝ ١٥٦

Maksudnya: “dan Kami akan menguji kamu dengan sedikit ketakutan, kelaparan, kekurangan harta, jiwa, dan buah-buahan. Dan sampaikanlah khabar gembira kepada orang yang bersabar. (iaitu) orang-orang yang apabila ditimpa musibah, mereka berkata: “sesungguhnya kami milik Allah dan kepada-Nya kami kembali”

(Surah al-Baqarah, 155-156)

Tidak dapat dinafikan bahawa sabar bukan perkara yang mudah untuk diterapkan dalam kehidupan manusia setiap hari, bahkan apabila menghadapi masalah dan ujian. Sekiranya seseorang individu bersabar dengan masalah yang dihadapi, maka hal tersebut akan menjadikan seseorang rasa lebih lapang dan tenang.

Oleh itu, berdasarkan penggunaan slanga *berkicap* semasa berkomunikasi dalam kalangan masyarakat di media sosial telah menunjukkan suatu bentuk keluhan daripada penutir kerana perlu menunggu (bersabar) dengan proses atau urusan yang mengambil tempoh yang lama. Malahan, pada konsep rasa masam kicap tersebut bagi merujuk kepada bau badan seseorang yang menyebabkan rasa kurang selesa.

Slanga: *digula-gulakan*

Tahap 1: Semantik Skrip

Kamus Dewan Edisi Keempat (2005) mendefinisikan leksikal gula-gula sebagai bermacam-macam jenis manisan yang dibuat daripada gula, misalnya gula-gula bergetah atau berperisa untuk dikunyah-kunyah sahaja. Slanga *digula-gulakan* dapat difahami sebagai ‘gula-gula’ yang manis seperti suatu bentuk janji oleh seseorang sehingga menyebabkan orang lain mudah tertipu dengan janji tersebut.

Tahap 2: Semantik Resonans

- i. Tiktok aku follow atlet badminton je ramai, fyp banyak pasal travelling, kucing. Alhamdulillah tidak ****digula-gulakan****.
- ii. ****Digula-gulakan**** dengan cuti. Murah betul harga rakyat Malaysia di mata so'od-so'od politik ni.

(Sumber: Twitter, 2022)

Pada ayat (i), slanga tersebut dirujuksilangkan dengan frasa ‘Tiktok aku *follow* atlet badminton je ramai’, ‘*fyp* banyak pasal *travelling*, kucing’ dan kata nafi ‘tidak’ sebelum leksikal *digula-gulakan*. Melalui ujaran tersebut dapat difahami bahawa akibat daripada media sosial *TikTok* penutir hanya mengikuti berkaitan atlet badminton, pelancongan, dan kucing, maka individu tersebut tidak mudah tertipu dengan isu semasa yang disiarkan pada media sosial tersebut. Hal ini menunjukkan bahawa ujaran yang dinyatakan oleh penutir tersebut adalah suatu bentuk kelegaan kerana tidak terpedaya dengan mudah.

Selain itu, data pada ujaran (ii) di atas juga merupakan bukti penggunaan slanga *digula-gulakan* dalam kalangan masyarakat di media sosial pada hari ini. Kata ‘cuti’, frasa ‘murah betul harga rakyat Malaysia’, dan ‘so’od-so’od politik ni’ bagi memahami makna slanga *digula-gulakan*. Berdasarkan ujaran tersebut, dapat difahami bahawa penutir sedang meluahkan rasa kesal terhadap rakyat Malaysia yang mudah tertipu dengan janji dan manifesto ahli politik berkaitan dengan cuti. Hal ini kerana, selama tempoh berkempen yang dijalankan oleh ahli politik di media sosial, janji yang sering diulang-ulang oleh mereka ialah memberikan cuti umum kepada rakyat sekiranya parti tersebut menang. Tidak dapat dinafikan bahawa hal ini adalah satu bentuk taktik pemujukan yang digunakan oleh ahli politik bagi meraih undi.

Tahap 3: Semantik Inkuisitif

Slanga ini digunakan bagi merujuk kepada 'janji manis' yang dinyatakan oleh seseorang sehingga mampu membuat individu lain 'mudah terpengaruh' dengan janji tersebut. Hal ini dikatakan demikian kerana, apabila seseorang individu berjanji, maka janji tersebut perlu ditunaikan agar seseorang merasa gembira apabila janji tersebut ditunaikan. Konsep makna slang *digula-gulakan* ini diibaratkan seperti situasi seseorang yang memberikan 'gula-gula' (manisan) kepada kanak-kanak untuk 'mempengaruhi' emosi kanak-kanak yang bersedih agar menjadi gembira. Hakikatnya kanak-kanak adalah golongan yang mudah tertipu dengan taktik seperti itu kerana peringkat umur yang belum dapat membezakan perkara hak dan batil. Oleh itu, kewajaran makna slang *digula-gulakan* yang dituturkan dalam kalangan masyarakat ini adalah diadaptasikan daripada konsep 'memberi ganjaran' gula-gula (manisan) kepada seseorang yang mudah terpengaruh.

Bahkan, menunaikan janji merupakan satu bentuk jaminan tentang kepercayaan bagi menjalinkan hubungan antara satu individu dengan individu lain. Tanpa jaminan kepercayaan ini, masyarakat tidak akan dapat berdiri dengan sendiri. Melalui perjanjian juga, negara pada hari ini semakin membangun dalam aspek ekonomi dengan berlakunya urusan eksport dan import antara negara. Terbukti juga bahawa perjanjian yang berlaku sehingga kini adalah hasil komitmen daripada semua pihak dalam apa juga bentuk janji yang dijanjikan, maka hal tersebut seharusnya ditunaikan. Oleh sebab itu, masyarakat pada hari ini menggunakan slang *digula-gulakan* ini kerana mengetahui hakikat bahawa terdapat 'janji manis' yang tidak ditunaikan oleh sesetengah individu atau organisasi.

Ringkasnya, slang *digula-gulakan* dapat difahamkan sebagai janji manis yang dinyatakan oleh seseorang sehingga membuat orang lain terpengaruh dengan janji tersebut. Konsep makna slang *digula-gulakan* telah berjaya membuktikan kebolehan masyarakat dalam mengadaptasikannya dengan konsep janji sebagai ganjaran ibarat memberi 'gula-gula' kepada kanak-kanak yang mudah terpedaya.

Slanga: Langau

Tahap 1: Semantik Skrip

Langau merujuk kepada lalat besar yang berwarna hijau dan berdengung-dengung bunyinya. Kebiasaannya, langau ini adalah serangga perosak yang sering hinggap ke sampah sarap dan tempat tersebut merupakan kawasan habitatnya. Walau bagaimanapun, makna serta penggunaan bagi slang *langau* pula membawa makna yang berbeza dalam pemahaman masyarakat di media sosial pada hari ini; iaitu orang yang tidak melakukan apa-apa.

Tahap 2: Semantik Resonans

- i. Mcm tu je kau kempen ptt la dulu masa puak kau berkuasa kau ni staff panggil kau ****langau****.
- ii. Bising-bising takde point ni biasanya ****langau**** je. Kalau orang dah tengok semua info, dia faham je kenapa harganya camtu. Boleh tak *explore* dulu sebelum nak hentam ke apa. RM 35,000 tu untuk *BUSSINESS CLASS* tau. Bukannya untuk *ECONOMY CLASS*. Alaaahh bising lebih

(Sumber: Twitter, 2022)

Melalui ayat (i), leksikal langau dirujuksilangkan dengan frasa 'mcm tu je kau kempen', 'patutlah dulu masa puak kau berkuasa', dan 'staff panggil kau langau'. Hal ini menunjukkan situasi individu yang menuturkan ujaran ini membuat keluhan terhadap tindakan seseorang yang berkempen tetapi dengan tidak bersungguh-sungguh. Walhal, semasa tempoh berkempen adalah peluang untuk bakal pemimpin menunjukkan kesungguhan serta ciri kepimpinan agar mendapat kepercayaan daripada rakyat. Oleh itu, situasi ini menunjukkan bahawa individu tersebut hanya melakukan hal sia-sia semasa berkempen sekiranya tidak melakukannya dengan bersungguh-sungguh.

Seterusnya pada ayat (ii) tersebut, frasa 'Bising-bising takde point', 'kalau orang dah tengok semua info, faham je kenapa harga camtu', dan 'boleh ke *explore* dulu sebelum nak hentam ke apa'. Frasa ini telah membantu menerangkan dengan baik makna slang *langau* yang digunakan pada ujaran tersebut. Hal ini demikian kerana, melalui ayat (ii) tersebut dapat difahami bahawa ujaran ini disampaikan kepada seseorang yang tidak membaca maklumat sepenuhnya lalu menyatakan suatu

kesalahan terhadap tindakan individu tersebut. Tindakan yang seharusnya dilakukan oleh seseorang yang memperoleh sesuatu maklumat ialah seharusnya memahami dan membaca maklumat tersebut. Situasi ini membuktikan bahawa individu tersebut adalah seorang yang percaya sesuatu maklumat kemudian menyebarkannya tanpa usul periksa.

Tahap 3: Semantik Inkuisitif

Lalat merupakan serangga yang suka hinggap dan membiak di kawasan yang kotor serta busuk seperti longkang tersumbat, timbunan sampah, najis dan bangkai haiwan. Malahan, apabila lalat hinggap ke kawasan kotor, maka kuman seperti virus, bakteria atau parasit yang berada pada najis atau tempat kotor akan melekat pada kaki atau badan lalat tersebut. Sekiranya lalat tersebut hinggap pada makanan yang terdedah, kuman tersebut berpindah ke makanan tersebut dan menyebabkannya tercemar.

Makna slanga *langau* yang difahami masyarakat telah diadaptasikan daripada sikap lalat yang suka hinggap ke makanan manusia tanpa ada sebarang manfaat malah membawa penyakit kepada manusia. Lalat diibaratkan seperti seorang manusia yang hidupnya sia-sia dan tidak mendatangkan faedah kepada manusia lain atau dalam melakukan sesuatu perkara. Malahan, masyarakat juga mempunyai perspektif yang negatif terhadap individu yang disebut sebagai *langau* ini kerana individu tersebut mendatangkan kerugian dalam suatu organisasi atau kumpulan serta tidak menyumbangkan apa-apa. Oleh itu, slanga *langau* sememangnya digunakan oleh masyarakat di media sosial sebagai suatu bentuk pandangan negatif terhadap seseorang.

Tambahan pula, masyarakat seharusnya membentuk peribadi yang baik dan tidak menjadi seseorang yang tidak mendatangkan manfaat kepada sesuatu perkara. Hal ini telah menunjukkan bahawa makna slanga *langau* yang digunakan oleh masyarakat pada hari ini memaparkan sikap seseorang yang tidak bertanggungjawab dengan pekerjaan yang dilakukan. Secara ringkas, dapat dilihat bahawa masyarakat menetapkan suatu perspektif yang negatif terhadap pemahaman slanga *langau* ini dan digunakan sebagai bentuk sindiran kepada seseorang yang tidak mendatangkan manfaat kerana tidak berbuat apa-apa.

5. Kesimpulan

Berdasarkan hasil dapatan kajian yang telah dibincangkan, pengkaji berpendapat bahawa bahasa slanga merupakan bahasa yang sering digunakan oleh masyarakat di media sosial bagi mengekspresikan perasaan, menyuarakan pendapat, dan menyampaikan sesuatu maklumat. Tidak dapat dinafikan bahawa leksikal bahasa slanga dapat membantu memudahkan komunikasi dan berhasil menunjukkan variasi dalam bahasa di media sosial.

Malahan, melalui pendekatan semantik inkuisitif yang diperkenalkan oleh Nor Hashimah Jalaluddin (2014) juga menunjukkan bahawa makna bahasa slanga yang digunakan di media sosial pada hari ini seharusnya dianalisis pada peringkat pemikiran masyarakat. Hal ini demikian kerana, penjelasan makna bahasa pada peringkat permukaan akan menimbulkan persoalan tentang kerelevanan makna dengan pembentukan sesuatu bahasa. Tidak dapat dinafikan juga bahawa pendekatan semantik inkuisitif telah memperlihatkan makna bahasa slanga daripada sudut yang pelbagai.

Rujukan

- Ainal Akmar, A., Maizatun Azura, Y., Nasihah, H., & Noor Aida, M. (2016). Kesantunan Bahasa Semasa Berkomunikasi Di Media Sosial. https://www.researchgate.net/publication/308897394_
- Fazal Mohamed, M. S., & Muhammad Syafreza, A. P. (2022). Slanga Dalam Media Sosial: Satu Pendekatan Minimalis. *Journal of Social Science and Humanities*, 19(3), 151-161. <http://journalarticle.ukm.my/20351/1/54927-180704-1-SM.pdf>
- Home. (n.d.). Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan. <https://muftiwp.gov.my/en/>
- Julaina, N., Nor Hashimah, J., & Junaini, K. (2017). Refleksi Dualisme 'Durian-Timun' Dalam Peribahasa Melayu: Pendekatan Semantik Inkuisitif. *Jurnal Linguistik*, 21(2), 001-014.
- Julaina, N., Nor Hashimah, J., & Junaini, K. (2022). *Gastronomi peribahasa dan akal budi Melayu*. Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Julaina, N & Yasmin Afifie. Pengkonsepsian Rasa Sebagai Refleksi Emosi dalam Peribahasa Melayu: Analisis Semantik Inkuisitif. *Jurnal Linguistik*, 26(1), 016-033.
- Laman Web Rasmi Jabatan Pertanian Pulau Pinang - Pisang. (n.d.). Jabatan Pertanian Pulau Pinang. https://jpn.penang.gov.my/index.php?option=com_content&view=article&id=70:pisang-sp19256&catid=23&Itemid=54&lang=ms
- Macam mana hasil kan kicap? - Makanan & Resipi - ExploRasa - Forum. (2013, June 25). CARI Infonet. <https://b.cari.com.my/forum.php?mod=viewthread&tid=736084>
- Maulana Al-Fin, C. M., & Nor Hashimah, J. (2018). Unsur Burung Dalam Pantun: Analisis Semantik Inkuisitif. *JURNAL WACANA SARJANA*, 2(1), 1-15. <https://spaj.ukm.my/jws/index.php/jws/article/view/72>
- Mohammad Zaid, D., & Mary Fatimah, S. (2019). Slanga Dan Simbol Tumbuhan Dalam Komunikasi Lisan Masyarakat Melayu: Pendekatan Semantik Inkuisitif. *Jurnal Pengajian Melayu*. https://www.researchgate.net/publication/338126624_Slanga_dan_Symbol_Tumbuhan_dalam_Komunikasi_Lisan_Masyarakat_Melayu_Pendekatan_Semantik_Inkuisitif
- Muhammad Zaid, D. (2018). Imej Tumbuhan Dalam Slanga: Analisis Semantik Inkuisitif. *International Journal of Humanities Technology and Civilization (IJHTC)*, 1(4), 1-20. <https://journal.ump.edu.my/ijhtc/article/view/824>
- Muhammad Zaid, D., & Mary Fatimah, S. (2019). "Sudah Tidak Tersudu Oleh Angsa, Baru Diberikan Kepada Itik": Perspektif Semantik Inkuisitif Dan Akal Budi Melayu. *Jms*, 2(1), 37-62. <https://ejournal.um.edu.my/index.php/jurnalmelayusedunia/article/download/21790/11085/47008>
- Muhammad Zaid, D., & Mary Fatimah, S. (2022). Ayam Sebagai Rujukan Makna Inkuisitif Berhati-Hati, Sia-Sia Dan Khianat Dalam Peribahasa Melayu. *Kajian Malaysia*, 40(1), 179-213. http://web.usm.my/km/earlyView_May2021/16_KM-OA-06-19-0071.R4.pdf
- Nani, K., Rahmat, B., Rosdiana, N., & Army, A. (2019). Lalat Hijau *Lucilla sericata* sebagai Agen Biokonversi Sampah Organik: Pengamatan Siklus Hidup. https://www.researchgate.net/publication/332110919_Prosiding_Seminar_Nasional_Biologi_dan_Pembelajarannya_Lalat_Hijau_Lucilia_sericata_sebagai_Agen_Biokonversi_Sampah_Organik_Pengamatan_Siklus_Hidup_Green_Fly_Lucilia_sericata_as_a_Bioconversion_Agent
- Nor Hashimah, J., (2014). Semantik dan Akal Budi Melayu. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia
- Norfarahdila, J., & Sa'adiah, M. (2018). Fenomena Penggunaan Bahasa Slanga dalam Kalangan Remaja Felda di Gugusan Felda Taib Andak: Suatu Tinjauan Sosiolinguistik. *JURNAL WACANA SARJANA*, 2(3), 1-15. <https://spaj.ukm.my/jws/index.php/jws/article/view/174>

- Nurul Syazana, R., & Nurul Jamilah, R. (2021). Leksikal 'Hati' dalam Simpulan Bahasa: Analisis Semantik Inkuisitif. *International Young Scholars Journal of Languages*, 4(2). <https://www.iium.edu.my/media/77660/Leksikal%20%E>
- Siti Elmira, J., Yazid, Y., Siti Faridah, S., Nurul Aida, A., & Mary Fatimah, S. (2021). Imej Perlambangan 'Tangan' Dalam Simpulan Bahasa Melayu: Analisis Semantik Inkuisitif. *Asian People Journal*, 4(1), 108-131. <https://journal.unisza.edu.my/apj/index.php/apj/article/view/261>.
- Siti Nasarah, I., Dzaa Imma, A. L., Siti Nur Farrah Faadiah, A. G., Suhaila, K., Siti Nur Shahidah, S. A., & Abdul Rauf, R. (2015). Penggunaan Bahasa Slanga Dalam Aplikasi IM (Instant Messaging) WhatsApp: Kajian di Kalangan Pelajar UiTM. <https://ir.uitm.edu.my/35744/1/35744.pdf>
- Tangaprabu, M., Mary Fatimah, S., & Muhammad Zaid, D. (2019). Kajian Semantik Inkuisitif dalam Peribahasa Tamil: Imej Tumbuhan. *Sains Humanika*, 11(1), 73-80. <https://sainshumanika.utm.my/index.php/sainshumanika/article/view/1426>
- Tengku Fariqul, H., & Harishon, R. (2018). Slanga Sebagai Wahana Komunikasi Dalam Kalangan Remaja di Bengkalis. *JURNAL WACANA SARJANA*, 2(1), 1-10. <https://spaj.ukm.my/jws/index.php/jws/article/view/71>

Biodata Pengarang

Julaina Binti Nopiah, (PhD) merupakan seorang pensyarah kanan Jabatan Bahasa Melayu, Kuliyyah Bahasa dan Pengurusan di Universiti Islam Antarabangsa Malaysia.

Noratikah binti Lawi, merupakan seorang pelajar tahun akhir ijazah sarjana muda jurusan Bahasa Melayu sebagai Komunikasi Antarabangsa di Universiti Islam Antarabangsa Malaysia.